

# Terengganu perlu berikan subsidi LPT

UM 24 DEC 1999

**K**UALA LUMPUR 23 Dis. — Kerajaan Terengganu perlu memberi subsidi kepada pemaju projek Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) jika tidak mahu rakyatnya dibebankan dengan kadar tol yang tinggi, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, jika kerajaan negeri tidak bersetuju dengan pengenaan tol dan tidak sanggup untuk mengeluarkan subsidi maka LPT tidak dapat dibina ke Terengganu.

“Salah satu cara untuk mengurangkan tol ialah dengan kerajaan memberi subsidi,” katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan syiling emas peringatan tahun 2000 sempena kedatangan alaf baru di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, LPT tidak mempunyai kadar lalu lintas yang banyak seperti di Pantai Barat, jadi sebarang penurunan tol tanpa subsidi akan menyulitkan pemajunya membayar semula pembiayaan mereka.

Menurut beliau, semua lebuh raya yang dibina menerima subsidi daripada kerajaan dalam pelbagai bentuk seperti pemberian tanah secara percuma.

“Tanpa subsidi Kerajaan Pusat, tol akan

menjadi tinggi seperti yang terdapat di negara-negara lain,” jelasnya.

Hasil daripada bantuan kerajaan itu, katanya, kadar tol di Malaysia adalah antara yang terendah di dunia.

“Ini kerana kerajaan memberi subsidi seperti menyerah tanah dan kadang-kadang jalan yang siap kepada sesebuah syarikat supaya kos pembinaannya rendah,” katanya.

Tetapi, kata beliau, jalan yang hendak dibina di Terengganu adalah jalan baru.

Oleh yang demikian, katanya, sekiranya kerajaan Terengganu mahu kadar tol yang rendah mereka mestilah memberi subsidi terhadap pembinaan LPT di negeri itu dengan cara menyediakan tanah atau membiayai sebahagian daripada tol.

“Jika tidak, kita tidak dapat bina. Tetapi kalau kerajaan Terengganu ada wang yang cukup dan ingin membina (lebuh raya) dan mengutip tol, itu hak mereka,” katanya.

Di samping itu, Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa Kerajaan Pusat sentiasa menggalakkan pelaburan di semua negeri di negara ini.

Kerajaan “sendiri, kata beliau, telah melabur kira-kira RM60 bilion di Terengganu terutama melalui Petronas dan syarikat-syarikat rakan kongsinya.